

*Tarikh dibaca: 20 Julai 2018M / 07 Zulkaedah 1439H*

# **KHUTBAH JUMAAAT**

*Tajuk:*

**“TANGGUNGJAWAB DALAM  
RUMAHTANGGA”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)  
Mantan Timbalan Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Selangor
3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)  
Bahagian Pengurusan Masjid,  
Jabatan Agama Islam Selangor
4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)  
Ketua Penolong Mufti (Fatwa),  
Jabatan Mufti Negeri Selangor
8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)  
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)  
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)  
Penolong Pengarah (Unit Khutbah)  
Bahagian Pengurusan Masjid



## “TANGGUNGJAWAB DALAM RUMAHTANGGA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا قُوَّاً نُفْسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ  
نَارًا<sup>١</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا<sup>٢</sup>  
الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ  
حَقَّ تُقَاتِهِ. وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bangunkan iman dan takwa di dalam jiwa, dengan melaksanakan perintah-perintah Allah SWT serta meninggalkan segala tegahan-Nya. Perbanyakkanlah bekalan. Sesungguhnya sebaik-baik bekalan itu ialah iman dan taqwa. Semoga kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang dijamin selamat di dunia dan di akhirat.

Pada hari ini marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk **“TANGGUNGJAWAB DALAM RUMAHTANGGA.”**

<sup>1</sup> Al-Tahrim : 6.



## Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Keluarga adalah anugerah dan amanah daripada Allah SWT. Peranan dalam membentuk peribadi isteri dan anak-anak merupakan tanggungjawab ketua keluarga. Sebagai seorang ketua dalam sesebuah keluarga, kita lah yang menentukan hala tuju ahli keluarga kita untuk meraih syurga dan redha Allah serta menjauhi kemurkaan-Nya yang boleh menyebabkan kita dihumban ke dalam nerakanya. Firman Allah SWT sebagaimana yang disebutkan di awal khutbah yang bermaksud:

*"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka."*

Oleh itu, suami semestinya bertanggungjawab dalam menyempurnakan tugas sebagai ketua keluarga sama ada suami atau bapa, yang merupakan pemimpin dalam rumahtangga.

Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa' ayat 34 :

الرَّجَالُ قَوْمٌ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى  
بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ ...

*"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.."*

## Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,



Menerusi ayat ini dalam konteks kepimpinan keluarga, suami adalah seorang pemimpin terhadap ahli keluarganya. Ketua keluarga juga mestilah menjadi orang yang amanah terhadap diri sendiri, sempurna penghayatan agamanya dan sentiasa bertanggungjawab.

Ibarat pohon besar yang kukuh dahaninya, rendang daunnya dan lebat pula buahnya, ia adalah tempat berpaut yang kuat. Tempat bernaung yang teduh. Tempat berlindung yang selamat. Ia adalah tempat mendapat rezki yang halal. Atas sifat demikianlah, setiap isteri diwajibkan taat kepada suami manakala anak-anak wajib taat kepada ibu bapa dan penjaga mereka.

### **Muslimin sekalian,**

Sebagai ketua keluarga, suami mestilah bertanggungjawab dan memelihara amanah yang dipertanggungjawabkan ke atas diri kita dan ahli keluarga kita keseluruhannya.

Tanggungjawab terhadap diri sendiri ialah dengan menunaikan perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya. Manakala tanggungjawab terhadap keluarga pula, hendaklah memimpin dan membimbing mereka mengikut syariat yang telah ditetapkan, memberikan didikan yang seimbang untuk kejayaan di dunia dan akhirat, bertanggungjawab melindungi keselamatan mereka, memberikan nasihat, memberikan layanan yang baik serta kasih sayang yang sewajarnya dan bertanggungjawab terhadap nafkah isteri dan anak-anak.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 233 :

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقٌ هُنَّ وَكَسُوتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ



*"Dan kewajipan keatas bapa (suami) memberikan nafkah (makan minum) dan pakaian kepada para ibu (isteri) dengan cara yang baik."*

### **Hadirin sidang Jumaat sekalian,**

Hari ini terdapat sebahagian isteri yang bernasib malang kerana dizalimi oleh suami mereka. Terdapat segelintir suami yang mementingkan diri sendiri. Membiaran isteri bersusah-payah mencari nafkah untuk diri dan anak-anaknya, ada suami yang memaksa isteri bekerja, tetapi hasil gajinya diambil oleh suaminya sehingga isteri tiada wang perbelanjaan untuk diri sendiri. Perkara seperti ini amat tidak patut berlaku dalam masyarakat kita. Oleh itu, menjadi tanggungjawab suami bersama-sama membasi perbuatan seumpama ini dan menyedarkan para suami akan peranan mereka sebagai ketua keluarga.

Isteri adalah pasangan yang mesti dijaga maruah dan perasaannya. Bergaullah bersama mereka dengan cara yang baik, agar suami berjaya membina kehidupan penuh berkasih sayang, keluarga sakinah, rumahtangga bahagia dan umat yang cemerlang.

Hadis daripada Ibnu Umar Radhiallahu Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda :

كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالإِمَامُ  
رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِ بَيْتِهِ  
وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالمرأةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا



*"Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggungjawab keatas rakyat yang dipimpinnya. Setiap lelaki (suami) adalah pemimpin rumah tangganya, dan dia akan bertanggungjawab keatas ahli rumahnya, dan para isteri juga ada tanggungjawab, dia bertanggungjawab keatas rumah suaminya".*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).*

Setiap ketua keluarga mestilah melaksanakan tanggungjawab dalam rumah tangga dengan sempurna. Lebih-lebih lagi yang melibatkan perkahwinan anak-anak perempuan mereka. Oleh itu, setiap ketua keluarga atau wali yang ingin mengahwinkan anak perempuannya mestilah memastikan bakal pasangan mereka yang ingin mendirikan rumah tangga itu memahami dan bersedia memikul tanggungjawab selepas berkahwin.

Justeru, demi maslahah kebahagiaan keluarga yang dibina maka Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2013 telah menetapkan umur minima perkahwinan bagi lelaki adalah 18 tahun dan bagi perempuan adalah 16 tahun. Walau bagaimanapun, sekiranya wujud keadaan yang menyebabkan perkahwinan di bawah umur tersebut perlu dilaksanakan, maka ianya mestilah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Hakim Syarie.

### **Hadirin sidang Jumaat sekalian,**

Mengakhiri khutbah hari ini, adalah diharapkan agar kita semua dapat menghayati perkara-perkara berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa setiap ketua keluarga bertanggungjawab penuh terhadap ahli keluarganya dan akan dihisab dihadapan Allah di hari akhirat kelak.



2. Setiap ketua keluarga wajib memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak dan tanggungannya.
3. Umat Islam mestilah mematuhi hukum syarak dan peraturan serta undang-undang yang telah ditetapkan demi menjamin kemaslahatan ummah.
4. Ketua keluarga hendaklah melaksanakan tanggungjawab bagi mewujudkan keluarga bahagia dan berkasih sayang.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا  
وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوْدَةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَا يَتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ



"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

(al-Ruum : 21).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*

Hafiz /Nurul  
11.07.2018



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا الَّذِينَ إِنَّمَا أَمْنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيْمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ  
الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكَيْنَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْلَمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ وِقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ  
سلاُغُور، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاجِ  
ابنِ المَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْمِدَائِيَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ،



وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيٍّ عَهْدٍ سَلَّاْغُورُ، تَعْكُو  
أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ  
لِلْمُؤْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبُغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

٩.

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ  
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*